

20 JUN 2002

UMNO: KEMBALI KEPADA AJARAN FUNDAMENTAL ISLAM, KATA ABDUL HAMID

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Orang Melayu akan lebih bermotivasi untuk meraih kemajuan dan pencapaian cemerlang jika mereka menolak fahaman ekstrim dan menjadi orang Islam fundamentalis, kata Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata fundamentalis Islam mengamalkan ajaran sebenar Islam yang menuntut mereka mencapai kejayaan dunia dan akhirat.

"Fundamentalis Islam mahu kita menikmati kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat," katanya mengulas ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir dalam ucapannya berkata Malaysia merupakan negara Islam fundamentalis dan bukannya Islam sederhana seperti yang dianggap negara barat.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim pula bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa keadilan harus menjadi prinsip utama dalam pelaksanaan hukum hudud seperti yang dikehendaki Islam.

"Jangan kerana kita hendak melaksanakan sesuatu hukum, kita lakukan dengan tergapah-gapah sehingga tiada keadilan," katanya merujuk kepada langkah kerajaan PAS negeri Terengganu menggubal rang undang-undang jenayah syariah yang dianggap pelbagai pihak terutama pertubuhan wanita, sebagai tidak adil terhadap wanita.

Menyentuh masalah perpecahan keluarga yang turut dibangkitkan Dr Mahathir dalam ucapannya, Dr Ismail berkata pendidikan akhlak perlu ditekankan dalam pendidikan Islam kerana masalah keluarga berkait dengan keruntuhan moral.

-- BERNAMA

HS RZS ZS RON